

26 MAY 2003

Rais-Penguatkuasa

K/TANGAN PENGUATKUASAAN WAJAR DIBERI LATIHAN SEMULA - DR RAIS

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Pegawai dan anggota penguatkuasa undang-undang di negara ini perlu diberi latihan semula supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim.

Beliau berkata latihan harus diberikan kerana masih terdapat pegawai dan anggota penguatkuasa yang tidak faham dan tidak tahu implikasi yang boleh menimpa mereka jika tidak memahami undang-undang yang menjadi teras tugas mereka.

"Kemungkinan jabatan-jabatan berkenaan kena melatih semula kakitangannya. Mungkin telah agak lama kakitangan tidak diberi latihan mengikut pendekatan yang seharusnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan minum petang bersama penduduk Kampung Pandan di Kompleks Muhibah, Kampung Pandan di sini, hari ini.

Menurutnya kakitangan penguatkuasaan perlu menjadikannya sebagai budaya dengan pematuhan undang-undang dilihat sebagai tanggungjawab yang diamanahkan oleh kerajaan dan wajar dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

"Jika gagal melaksanakan tanggungjawab berlandaskan undang-undang yang ada, pegawai atau kakitangan yang terbabit boleh dikatakan tidak menjalankan tugas," katanya.

Dr Rais berkata latihan am sahaja tidak mencukupi, sebaliknya penekanan perlu diberi kepada persoalan sikap pegawai dan anggota penguatkuasa.

Sebelum ini, katanya banyak aduan pengguna diajukan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Biro Pengaduan Awam dan Biro Pengaduan Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri berhubung salah laku pegawai dan anggota penguatkuasa yang menyeleweng daripada batasan undang-undang.

"Apabila Perdana Menteri (Dr Mahathir) bising, barulah penguatkuasaan yang bersungguh-sungguh dijalankan... lepas tu apabila Perdana Menteri pergi ke tajuk lain, benda (penguatkuasaan) tu mendap begitu sahaja. Perniagaan dijalankan seperti biasa. Ini yang kita tidak mahu berlaku lagi," katanya.

Ketika ditanya sama ada tindakan memecat seseorang kakitangan adalah sebagai jalan penyelesaian untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa kerajaan menjalankan tugas dengan tegas, Dr Rais berkata pemecatan seseorang pegawai juga perlu berlandaskan undang-undang.

"Kita mesti ikut undang-undang. Jika hendak memecat seseorang pegawai yang didakwa melakukan penyelewengan, ia juga perlu dilakukan berdasarkan lunas undang-undang juga," katanya.

Menurutnya seseorang pegawai yang didakwa, tidak boleh dilucutkan jawatannya sehingga mahkamah atau tribunal yang berkuatkuasa membuktikannya bersalah.

-- BERNAMA

FA HS NAK